



SIARAN MEDIA

KPKT SALUR PERUNTUKAN RM34.2 JUTA BAGI KESEJAHTERAAN PENDUDUK DI SANDAKAN

SANDAKAN, 10 JULAI 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan siri jelajah **Sentuhan Kasih KPKT ke Sandakan** pada hari ini dengan meninjau lapan (8) projek utama di bawah seliaan kementerian. Lawatan ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Perpaduan dalam memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat di Sabah terus diberi perhatian sewajarnya.

Siri lawatan dimulakan dengan tinjauan ke **projek menaik taraf pembinaan sel Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Labuk, Sandakan**. Sebanyak **RM30 juta** telah diperuntukkan oleh **KPKT kepada Kerajaan Negeri Sabah** untuk pelaksanaan projek ini yang merangkumi perancangan, penyeliaan, pembinaan, ujian, petaulahan dan penyelenggaraan. Projek ini merupakan antara inisiatif utama bagi memperkuuh pengurusan sisa pepejal di Sabah ke arah kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

Lawatan diteruskan ke **projek menaik taraf bangunan dan kerja-kerja berkaitan di Taman Singapore** yang dilaksanakan melalui Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) di bawah seliaan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Peruntukan **RM500,000.00** disalurkan untuk mengecat empat (4) blok Apartment Taman Singapore. KPKT turut memberi peruntukan tambahan sebanyak **RM500,000.00** lagi untuk mengecat blok-blok lain di Apartment Taman Singapore. Projek ini memberi tumpuan kepada pembaikan fizikal dan penyelenggaraan kemudahan asas bagi menjamin kediaman strata yang selamat, bersih dan selesa. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 28 Julai 2025. Dalam lawatan yang sama, YB KM turut meninjau dewan di Jalan Singapore yang telah **siap dibaik pulih dengan kos sebanyak RM400,000.00**.

Seterusnya, lawatan diteruskan dengan tinjauan ke **Pasar Sim-Sim, Kampung Air Sim-Sim** dan **Pasar Elopura**. KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM2 juta** bagi kerja-kerja naik taraf di empat pasar, iaitu Pasar Elopura, Pasar Kim Fung, Pasar Umum, dan Pasar Sim-Sim. Naik taraf ini termasuklah penambahbaikan meja-meja gerai bagi meningkatkan keselesaan penjaja tempatan.

Selain itu, KPKT juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM400,000** bagi **pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Taman Indah Jaya**, serta **RM400,000 lagi untuk menaik taraf Gelanggang Futsal di PPR Harmoni**. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat Sabah.

YB KM Bersama delegasi KPKT turut melawat **Residensi PR1MA Borneo Cove**, sebuah projek perumahan mampu milik yang telah siap dibina pada 19 Mei 2021. Terletak di atas tapak seluas 9.53 ekar, projek ini menyediakan 999 unit apartmen dalam tiga blok kediaman lengkap dengan pelbagai fasiliti termasuk dewan serba guna, taman permainan, surau, tadika, taska dan gelanggang futsal. Lokasinya yang strategik di Jalan Buli Sim Sim menjadikannya pilihan ideal bagi penduduk setempat.

Menurut YB KM, "Kejayaan pelaksanaan projek-projek ini adalah hasil kerjasama strategik antara KPKT, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri Sabah. Sinergi yang erat ini membolehkan setiap projek diselia dengan baik serta memberi manfaat optimum kepada rakyat." Beliau turut menegaskan usaha-usaha ini adalah sejajar dengan visi KPKT untuk memperkuuh kesejahteraan dan kemakmuran komuniti di seluruh negara".

#MalaysiaMADANI
#Kemampunan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@pkpt.gov.my

